

20 AUG 1998

Mahathir-Langkah

SOKONG LANGKAH DRASTIK PULIH EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat menyokong langkah-langkah drastik yang akan diumumkan oleh kerajaan walaupun ia mungkin satu kejutan bagi rakyat asing.

Rakyat Malaysia harus menyokong langkah-langkah itu yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi bagi membolehkan negara mempertahankan kedudukannya tanpa perlu bergantung kepada bantuan kewangan dari luar, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung ke-19 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia di sini hari ini.

Keadaan ekonomi masih gawat akibat spekulasi mata wang pada Julai tahun lepas dan dengan itu, kerajaan menimbang langkah-langkah tambahan, termasuk yang lebih drastik, untuk memulihkan ekonomi.

Dengan menggesa rakyat supaya bersiap sedia, Dr Mahathir berkata; "Ia mungkin mengejutkan tetapi langkah-langkah yang akan diumumkan nanti bertujuan untuk mengembalikan ekonomi ke arah yang betul."

Dalam berdepan dengan masalah kegawatan ekonomi, bukan sahaja Malaysia, malahan negara-negara lain seperti Hong Kong, Taiwan dan Rusia juga sanggup mengambil tindakan yang serupa bagi mempertahankan ekonomi masing-masing, katanya.

"Kita juga mungkin terpaksa memikirkan tentang tindakan yang luar biasa untuk memulihkan ekonomi.

"Saya telah memberi amaran bahawa apa yang kita buat itu mungkin mengejutkan rakyat, tetapi sama ada terkejut ataupun tidak, saya berharap semua pihak akan menyokong tindakan kerajaan," katanya.

Menyentuh mengenai keputusan kerajaan untuk meneruskan projek infrastruktur yang diumumkan sebelum ini, Perdana Menteri berkata ia adalah untuk memberi peluang perniagaan kepada kontraktor dan pembekal.

Katanya: "Kita akan meneruskan usaha untuk menolong syarikat-syarikat termasuk kontraktor walaupun kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi."

Beliau berkata kerajaan berharap keputusan itu dapat memberi nafas baru kepada 140 industri berkaitan sektor pembangunan dan pembinaan dalam negara.

-- BERNAMA

AA ARA NMO